

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Insurans Penuntut Luar Negara anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut membacanya.

Date: 01/01/2026

1. Apakah Insurans Penuntut Luar Negara?

Insurans Pelajar Luar Negara direka khas untuk pelajar yang belajar di institusi pendidikan luar negara. Ia merupakan pelan 24 jam di seluruh dunia yang akan memberi pampasan kepada anda bagi kecederaan, kecacatan atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan, serta perbelanjaan yang ditanggung untuk Pemindahan Perubatan Kecemasan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium tahunan tahun pertama ialah RM250.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem), dengan premium pembaharuan seterusnya sebanyak RM238.00 setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut:

Polisi/sijil in meliputi:	Polisi/sijil in tidak termasuk:
• Kematian akibat Kemalangan - RM100,000 • Ketidakupayaan Kekal - RM100,000 • Pemindahan Perubatan Kecemasan - RM250,000 • Pembatalan Sebelum Berlepas (Pembayaran Balik 50% Bayaran Tuisyen Sehingga Maksima*) - RM10,000*	• Peperangan atau risiko yang seumpamanya • Peraturan atau Akta Kerajaan atau Pihak Berkuasa mana-mana negara • Bunuh diri, kecederaan yang disengajakan • AIDS, penyakit kompleks berkaitan AIDS (ARC) • Hamil, melahirkan anak • Keadaan fizikal atau mental sedia ada • Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang • Penyalahgunaan dadah • Aktiviti Berbahaya • Tindakan pengganas • Kos Pengebumian di Negara Asal

Tempoh perlindungan insurans adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi/sijil anda setiap tahun. Perlindungan ini juga boleh didaftarkan untuk tempoh 2 tahun atau 3 tahun.

Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Penuntut Luar Negara anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744)
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Email kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Insurans Penuntut Luar Negara, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard (Pelan 1, perlindungan tahun pertama)	: RM250.00 (setiap tahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	: RM10.00
Komisen (25%)	: RM62.50 (Termasuk dalam premium)
Cukai Perkhidmatan (8%)	: RM0.00
Jumlah premium yang perlu dibayar	: RM260.00

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti anda, aktiviti peribadi dan Sejarah perubatan.
- Kelayakan - Anda mesti merupakan seorang pelajar berumur antara 16 hingga 55 tahun dan sedang belajar di institusi pendidikan luar negara.
- Tunai sebelum perlindungan - Perlindungan hanya bermula selepas anda membayar premium.
- Umur pembaharuan - Polisi ini boleh diperbaharui sehingga umur 55 tahun.
- Premium dan terma pembaharuan mungkin berbeza bergantung kepada sejarah tuntutan anda dan keperluan pengunderaitan kami.
- Penamatan Automatik - Perlindungan akan tamat jika anda:
 - Kembali ke negara asal anda secara kekal; atau
 - Semasa tamat pengajian selepas selesai peperiksaan akhir; atau
 - Berhenti menjadi pelajar sepenuh masa; atau
 - Apabila tamat tempoh polisi, mengikut mana-mana yang lebih awal.
- Notis Tuntutan - Anda mesti memaklumkan dan memberikan butiran tuntutan sepenuhnya kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas mengalami sebarang kemalangan, kehilangan atau kerosakan.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda pada asas tempoh yang singkat bagi tempoh perlindungan yang belum tamat. Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.